

02 SEP 1997

Pengusaha

PENGUSAHA MALAYSIA DICARI POLIS INDONESIA

Oleh: Khairdzir Yunus

JAKARTA, 2 Sept (Bernama) -- Polis Indonesia dilaporkan sedang mencari seorang pengusaha dari Malaysia kerana disyaki terbabit dengan perbuatan yang menyalahi peraturan berhubung pembelian Bali Garden Hotel di Kuta, Bali, menurut laporan akhbar hari ini.

Menurut akhbar harian "Merdeka", David Chiu, pemilik syarikat Pleasure Point Group Ltd, dikatakan membeli hotel bertaraf empat bintang itu dari (Puan) Kazuko Bando tetapi polis mengesyaki pembelian itu tidak mengikut prosedur.

Akhbar itu turut memetik sumber Interpol Indonesia sebagai berkata, pengusaha itu kini disyaki berada di Hong Kong.

Ketua Cawangan Khas Polis di Bali, Kol Surya Dharma dipetik berkata, Chiu telah beberapa kali dipanggil polis untuk memberikan keterangan tetapi setakat ini dia belum memenuhi panggilan itu.

"Polis sedang menyiasat kes itu dan sekiranya terbukti melanggar peraturan, akan diambil tindakan berdasarkan undang-undang," katanya.

Laporan akhbar itu turut memetik sumber sebagai berkata, Chiu dikatakan sering "menggunakan" nama-nama pegawai tinggi dalam kegiatannya.

"Dia dikatakan sering mengaku sebagai mempunyai pertalian keluarga atau kerabat pegawai tinggi yang memerintah negara tertentu seperti mengaku kerabat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

"Tidak tertutup kemungkinan di luar negeri, David Chiu memanfaatkan nama pegawai tinggi Indonesia," kata sumber itu.

Laporan itu turut memetik Komandan Cawangan Khas Polis Indonesia, Mej Jen Nurfaizi sebagai berkata, berdasarkan peraturan, waran tangkap boleh dikeluarkan terhadap seseorang sekiranya dia tidak memenuhi panggilan polis sebanyak tiga kali. -- BERNAMA

KHY AHH